

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan pada jam 1200, Selasa, 29 November 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN
SUKU TAHUN KEEMPAT 2022

Peniaga kekal positif terhadap situasi perniagaan pada suku tahun keempat 2022 dengan petunjuk keyakinan +3.2 peratus

PUTRAJAYA, 29 NOVEMBER 2022 – Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini menerbitkan **Statistik Kecenderungan Perniagaan bagi Suku Tahun Keempat 2022**. Penerbitan ini memaparkan jangkaan prestasi perniagaan bagi suku tahun dan enam bulan yang akan datang. Statistik ini adalah berdasarkan Survei Kecenderungan Perniagaan yang dijalankan secara suku tahunan.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Peniaga kekal positif terhadap situasi perniagaan walaupun terdapat tanda penyederhanaan pada suku tahun keempat 2022 dengan petunjuk keyakinan dicatatkan +3.2 peratus berbanding +4.7 peratus yang direkodkan pada suku tahun ketiga 2022 (**Paparan I**)".

Sektor Perkhidmatan, Industri serta Perdagangan Borong dan Runcit menjangkakan prospek yang positif pada suku tahun keempat 2022. Sentimen perniagaan dalam sektor Perkhidmatan kekal menggalakkan dengan +9.2 peratus pada suku tahun rujukan berbanding +13.6 peratus pada suku tahun lalu. Begitu juga, sentimen dalam sektor Industri kekal positif dengan mencatatkan +3.7 peratus pada suku tahun keempat 2022 berbanding +6.6 peratus. Sektor Perdagangan Borong dan Runcit

menjangkakan keadaan perniagaan yang bertambah baik dengan petunjuk keyakinan melonjak ke trajektori positif dengan +1.9 peratus daripada -5.8 peratus pada suku tahun ketiga 2022. Tinjauan positif ini disokong oleh subsektor Perdagangan Runcit di mana peniaga optimistik terhadap keadaan perniagaan mereka. Manakala, sektor Pembinaan merupakan sektor yang paling pesimistik untuk suku tahun berturut-turut dengan petunjuk keyakinan -29.2 peratus berbanding -24.9 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Secara keseluruhan, 32.5 peratus pertubuhan meramalkan hasil kasar mereka meningkat pada suku tahun keempat 2022 manakala 29.5 peratus meramalkan sebaliknya dan seterusnya mendorong kepada imbangan bersih +3.0 peratus. Pada masa yang sama, 38.0 peratus pertubuhan menjangkakan hasil kasar mereka akan kekal sama. Pada suku tahun yang sama, 68.9 peratus pertubuhan menjangkakan bilangan pekerja mereka tidak berubah. Sebanyak 21.8 peratus pertubuhan menyasarkan untuk mengambil lebih ramai pekerja, manakala 9.3 peratus menjangkakan pengurangan pekerja mereka seterusnya membawa kepada imbangan bersih positif +12.5 peratus.

Dalam tempoh enam bulan akan datang, Oktober 2022 hingga Mac 2023, jangkaan perniagaan kekal optimistik dengan imbangan bersih menyederhana pada +5.9 peratus berbanding +12.2 peratus yang dicatatkan sebelum ini (**Paparan II**). Sektor Perdagangan Borong dan Runcit meramalkan prospek perniagaan yang menggalakkan dalam enam bulan akan datang dengan imbangan bersih +10.6 peratus, meningkat daripada trajektori negatif. Sektor perkhidmatan juga menjangkakan keadaan perniagaan yang lebih baik dengan imbangan bersih +30.8 peratus daripada +26.5 peratus yang dicatatkan sebelumnya. Semua subsektor di bawah sektor Perkhidmatan meramalkan prospek positif untuk enam bulan akan datang di mana subsektor Insurans, Penginapan serta Kesihatan menjadi subsektor yang paling optimistik. Sebaliknya, sektor Industri berubah pesimis terhadap prospek perniagaan untuk enam bulan akan datang berakhir Mac 2023 dengan imbangan bersih -7.9 peratus daripada +14.5 peratus. Pada masa yang sama, sentimen dalam sektor Pembinaan kekal negatif bagi Oktober 2022 hingga Mac 2023 dengan imbangan bersih -20.7 peratus berbanding -10.3 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStats_2022.


Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA


JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

29 NOVEMBER 2022

Paparan I: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, Malaysia, 2018 – 2022



Paparan II: Imbangan Bersih Jangkaan Prestasi Perniagaan bagi Enam Bulan Akan Datang, Malaysia, 2019 – 2023



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, November 29 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
BUSINESS TENDENCY STATISTICS
FOURTH QUARTER 2022

Businesses remain upbeat on business situation in the fourth quarter of 2022 with confidence indicator of +3.2 per cent

PUTRAJAYA, NOVEMBER 29, 2022 – The Department of Statistics, Malaysia today released ***Business Tendency Statistics for the Fourth Quarter 2022***. This publication presents expectations on business performance for the upcoming quarter and six months ahead. The statistics is based on the Business Tendency Survey which is conducted on a quarterly basis.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri. Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Businesses remain upbeat on business situation despite sign of downward moderation in the fourth quarter of 2022 by confidence indicator registering +3.2 per cent as compared to +4.7 per cent recorded in the third quarter 2022 (***Exhibit I***)”.

Within sectors, Services, Industry as well as Wholesale and Retail Trade sectors anticipate positive outlook in the fourth quarter 2022. Business sentiment in the Services sector remains favourable with +9.2 per cent in the reference quarter as against +13.6 per cent in the last quarter. Similarly, sentiment within Industry sector continues positive by posted +3.7 per cent in the fourth quarter 2022 as compared to +6.6 per cent. Wholesale and Retail Trade sector expects an improved business situation with confidence indicator rebounded to positive trajectory with +1.9 per cent

from -5.8 per cent in the third quarter 2022. This positive outlook is supported by Retail Trade sub-sector where businesses turn optimistic on their business condition. Whereas, the Construction sector continues as the most pessimistic sector for consecutive quarters with confidence indicator of -29.2 per cent as compared to -24.9 per cent in the previous quarter.

Overall, 32.5 per cent of establishments predict their gross revenue to increase in the fourth quarter 2022 whilst 29.5 per cent foresee otherwise which further leads to a net balance of +3.0 per cent. Concurrently, 38.0 per cent of establishments anticipate their gross revenue remain the same. In the same quarter, 68.9 per cent of establishments expect their number of employees remain unchanged. A total of 21.8 per cent of establishments aim to hire more workers, while 9.3 per cent anticipate a reduction of their workers hence led to a positive net balance of +12.5 per cent.

In the next six months period, October 2022 until March 2023, business expectations remain optimistic with moderate net balance at +5.9 per cent as against +12.2 per cent recorded previously (**Exhibit II**). Wholesale and Retail Trade sector foresees favourable business outlook in the forthcoming six months with a net balance of +10.6 per cent, escalated from negative trajectory. Services sector also expects better business situation with net balance of +30.8 per cent from +26.5 per cent recorded previously. All sub-sectors under Services sector predict positive outlook for the next six months where Insurance, Accommodation as well as Health sub-sectors being the most optimistic sub-sectors. In contrast, Industry sector turns pessimism on the business prospect for the six months ahead ending March 2023 with net balance -7.9 per cent from +14.5 per cent. At the same time, sentiments within Construction sector remains negative for October 2022 to March 2023 with a net balance of -20.7 per cent as compared to -10.3 per cent.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStats_2022.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
29 NOVEMBER 2022**

Exhibit I: Quarterly Confidence Indicator, Malaysia, 2018 - 2022



Exhibit II: Net Balance of Business Performance Expectation for Upcoming Six Months, Malaysia, 2019 – 2023

